

## Penandaan Bernombor Bahasa Semai di RPS Betau, Pahang: Satu Analisis Sintaksis

Muhamad Asytar Mohamad Noor Ropiah\*, Fazal Mohamed Mohamed Sultan  
dan Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

### ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada penandaan bernombor digunakan oleh Kata Ganti Nama Diri (KGND) dalam bahasa Semai. Leksikal yang berbeza yang digunakan oleh penutur untuk menggambarkan bilangan subjek dalam ayat. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif; melalui temu bual semi struktur dengan penduduk bahasa Semai di RPS Betau, Sungai Koyan, dan kualitatif; menggunakan pendekatan teori Program Minimalis. Data kajian dibersihkan bersama penutur bahasa Semai, kemudian dianalisis dengan menggunakan Program Minimalis untuk mengkaji leksikal ke peringkat minimal. Analisis kajian dijelaskan secara deskriptif melalui rajah pohon untuk menjelaskan peranan penandaan bernombor bahasa Semai. Hasil kajian mendapati bahawa penandaan bilangan bahasa Semai untuk KGND Pertama dan Ketiga memiliki leksikal tersendiri yang menandakan subjek tunggal tanpa menggunakan nombor. Meskipun tanpa makna semantik, kehadiran penandaan ini penting untuk menggambarkan bilangan subjek dalam ayat. Kajian ini membincangkan struktur ayat bahasa Semai dengan penandaan bernombor, diperlihatkan melaluiuraian rajah pohon yang memaparkan pergerakan penandaan tersebut. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji linguistik memahami bahasa Semai dengan lebih menyeluruh.

*Kata kunci:* Bahasa Orang Asli, penandaan bernombor, program minimalis, Semai, sintaksis

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received: 03 November 2024

Accepted: 03 March 2025

Published: 19 September 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.4.05>

*E-mail addresses:*

asytarmr@gmail.com (Muhamad Asytar Mohamad Noor Ropiah)  
fazal@ukm.edu.my (Fazal Mohamed Mohamed Sultan)

faqihahsanari@gmail.com (Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari)

\*Corresponding author

## *The Numbered Marking of Semai Languages at RPS Betau: A Syntax Analysis*

### ABSTRACT

*This study focuses on the numerical markers used by Pronouns in the Semai language. It explores*

*the various lexical items employed by speakers to describe the number of subjects in sentences. The research employs both quantitative and qualitative methods, conducting semi-structured interviews with Semai speakers in RPS Betau, Sungai Koyan, Pahang, emphasising everyday conversations, and utilising the theoretical framework of the Minimalist Program. The research data is cleaned with the input of Semai speakers and analysed using the Minimalist Programme to examine lexical forms at a minimal level. The analysis of the study is described descriptively through tree diagrams to illustrate the role of numerical markers in Semai language. The study findings reveal that the Semai language's numerical marking for first- and third-person pronouns possess their lexical forms, indicating singular subjects without using numbers. Although devoid of semantic meaning, the presence of these markers is crucial in depicting number in sentences. This study discusses the sentence structure of the Semai language with numerical markers, demonstrated through tree diagram analysis, illustrating the movement of these markers. The results of this study are expected to aid linguists in comprehensively understanding the Semai language.*

Keywords: Indigenous people language, minimalist programme, numbered markup, Semai, syntax

---

## PENGENALAN

Perbincangan penandaan bernombor telah banyak dilakukan oleh pengkaji linguistik (Bale & Khanjian, 2008; Brickell, 2014; Gulö & Rahmawelly, 2019; Hallberg & Niehorster, 2021; Ngullie & Khyriem, 2024; Von Heusinger & Kornfilt, 2017), yang membincangkan penggunaan leksikal tertentu bagi memberikan penandaan bernombor dalam struktur ayat dalam kajian masing-masing. Penandaan bernombor merujuk kepada fenomena bahasa yang meunjukkan bilangan subjek dalam ayat menggunakan leksikal mahupun apitan. Kajian-kajian tersebut menumpukan kepada fungsi penandaan bernombor yang hanya hadir sebagai penanda bernombor selepas Kata Nama (KN) atau Kata Kerja (KK) sahaja. Walau bagaimanapun, suku kaum Orang Asli Senoi, terutamanya Semai, telah mempunyai buku teks tatabahasa bahasa Semai yang memberikan perbincangan baharu kepada sifat penandaan bernombor

yang berbeza daripada dapatan sarjana terdahulu. Jumlah penutur bahasa Semai 97,956 orang semestinya akan menghasilkan varian struktur ayatnya berdasarkan geografi penutur yang berada di Pahang dan Perak (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2023). Hal ini membolehkan bahasa Semai berubah mengikut peredaran masa kerana mempunyai sifat yang dinamik dan dapat berkembang dari aspek sistem dan struktur (Alias, 2016). Tambahan pula, pada data kajian, wujud leksikal yang tiada makna semantik, namun berdasarkan perbualan bersama penutur natif bahasa Semai, leksikal tersebut berkait rapat dengan jumlah subjek dalam ayat. Jumlah subjek dalam ayat bergantung kepada penggunaan leksikal tersebut, sama ada tunggal mahupun jamak. Maka, kajian ini menganalisis penggunaan leksikal yang masih tidak diketahui fungsinya dalam struktur sintaksis bagi menunjukkan maknanya dalam sistem pernomboran tunggal mahupun jamak,

berdasarkan ulasan yang diberikan oleh penutur bahasa Semai di Pahang.

## KAJIAN LEPAS

Kajian lepas yang dipilih membantu pengkaji melihat fenomena penandaan bernombor dalam bahasa lain. Bahagian ini akan membahagikan kajian lepas kepada subkategori seperti berikut:

### Konsep Penandaan Bernombor

Antara kajian lepas yang dirujuk ialah kajian penandaan bernombor oleh Gulö dan Rahmawelly pada tahun 2019. Penulisan ini mengkaji pengguguran apitan akhiran -s semasa menulis ayat bahasa Inggeris bagi menggambarkan Kata Kerja (KK) dalam ayat dilakukan oleh seorang pelaku. Penggunaan apitan -s yang diapit bersama KK menunjukkan wujud penandaan bernombor dalam bahasa Inggeris juga memberi maklumat kepada pendengar bahawa kala yang diberikan bersama apitan -s merupakan kala kini (ayat 1 dan ayat 2). Ayat berikut menunjukkan contoh mengenai penggunaan apitan -s bagi KK yang mempunyai subjek tunggal dan tanpa -s bagi subjek jamak:

1. *My father always supports me.*
2. *He wears glasses.*
3. *They go to the zoo.*

Penggunaan penandaan bernombor dalam bahasa berbeza mengikut keperluan bahasa tersebut, seperti bahasa Arab, penggunaan penanda bernombor turut

mempunyai fitur jantina bersamanya untuk membezakan tunggal dan jamak mengikut jantina bagi Kata Ganti Nama Diri (KGND) kedua dan ketiga. Seperti bahasa Inggeris, penandaan bernombor dalam bahasa Arab turut membawa fitur kala kini bersamanya. Hallberg dan Niehorster (2021) telah mengulas mengenai penandaan bernombor dalam bahasa Arab pada ayat-ayat seperti berikut:

4. **المعلم يذهب إلى الفصل**  

|     |          |       |       |
|-----|----------|-------|-------|
| al- | mu' alim | ya-   | zhabu |
| DEF | guru (L) | Tung. | pergi |
| ila | al-      |       | fasl  |
| ke  | DEF      |       | kelas |

“Seorang guru lelaki pergi ke kelas.”
  5. **المعلمة تذهب إلى الفصل**  

|     |          |       |       |
|-----|----------|-------|-------|
| al- | mu' alim | ya-   | zhabu |
| DEF | guru (L) | Tung. | pergi |
| ila | al-      |       | fasl  |
| ke  | DEF      |       | kelas |

“Seorang guru lelaki pergi ke kelas.”
  6. **المعلمون يذهبون إلى الفصل**  

|     |               |       |          |
|-----|---------------|-------|----------|
| al- | mu' alim-una  | ya-   | zhabu-na |
| DEF | guru(L) Jama. | Kala. | pergi-   |
| ila | al-           |       | kelas    |
| ke  | DEF.          |       |          |

“Ramai guru lelaki pergi ke kelas.”
- Ayat 4 dan 5 merupakan ayat yang mempunyai subjek tunggal namun ekoran

dari pada perbezaan jantina, penggunaan penanda bernombor berbeza diapitkan bersama KK tak transitif dengan menggunakan apitan awalan *ya* bagi lelaki atau *ta* bagi perempuan. Namun begitu, bagi ayat 6, subjek jamak mempunyai apitan awalan dan akhiran pada KK berikut untuk memberikan gambaran bahawa subjek dalam ayat adalah jamak. Perbincangan mengenai penanda bernombor dalam bahasa Arab memberikan panduan kepada kajian ini untuk menganalisis sekiranya penandaan bernombor dalam bahasa Semai juga mempunyai perbezaan leksikal mengikut leksikal KGND yang digunakan.

Umumnya, penandaan bernombor dalam ayat bersifat sufiks dan diapit bersama KK seperti bahasa Inggeris. Faye (2023) mengulas bahawa penandaan bernombor bagi elemen tunggal dalam bahasa Inggeris mempunyai ciri sufiks yang berapit dengan KK seperti *-s*, *-es* dan *-ies* bagi bentuk biasa, namun sekiranya digunakan bersama KN, maka leksikal akan bertukar fungsinya kepada jamak. Penggunaannya juga berbeza mengikut fonem konsonan terakhir pada leksikal dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan penanda bernombor ini memberikan maklumat bahawa pelaku bagi KK dalam ayat merupakan pelaku tunggal dan ketiadaan apitan kepada KK menunjukkan bahawa pelakunya adalah jamak. Begitu juga sekiranya apitan akhiran tersebut hadir pada KN menggambarkan bahawa pelaku atau objeknya membawa fungsi jamak dan ketiadaannya pada KN membawa maksud tunggal. Bagi penandaan bernombor ini, kala yang diberikan ialah *default* kala kini, berbeza dengan kala

berterusan yang menambah apitan *-ing*. Walau bagaimanapun, apitan sufiks *-ing* digunakan oleh pelaku tunggal dan jamak, maka apitan tersebut tidak dianggap sebagai penandaan bernombor (Faye, 2023). Fungsi penanda bernombor adalah sebagai penentu kuantiti dalam ayat untuk merujuk kepada subjek bagi ayat yang dituturkan. Contoh penggunaan bagi apitan dalam bahasa Inggeris adalah seperti ayat berikut:

7. She eats apples.

Subjek *she* dalam ayat merujuk kepada KGND ketiga tunggal perempuan yang menjadi kepala bagi ayat di atas. Penandaan bernombor kemudiannya berlaku kepada KK *eat-s* dan KN *apple-s*, yang kedua-duanya menggunakan apitan *-s*, namun membawa fitur berbeza. KK *eat-s* merujuk kepada subjek yang tunggal, manakala *apple-s* merujuk kepada objek yang jamak. Maka, penggunaan penandaan bernombor memberikan maklumat mengenai kuantiti pelaku atau objek dalam ayat.

Dalam bahasa Arab, seperti yang dibincangkan oleh Jaradat (2023), penanda bernombor bagi bahasa Arab diapit bersama KN secara sufiks atau akhiran suatu leksikal. Walau bagaimanapun, kala kini dalam bahasa Arab menambah huruf pada awal leksikal KK bagi pelaku tunggal dan awal serta akhir bagi pelaku jamak. Keadaan ini menjadikan penanda bernombor dalam bahasa Arab membawa fitur jamak dan kala pada apitan awal dan akhir sekiranya diapit bersama KK. Ayat-ayat yang mempunyai penanda bernombor dalam bahasa Arab dapat dilihat pada ayat berikut:

## 8. طالب يأكل التفاحة

|       |         |       |
|-------|---------|-------|
| talib | ya-     | kul   |
| murid | Tung.   | makan |
| al-   | tufaaha | -tan  |
| DEF   | epal    | Tung. |

*“Seorang pelajar makan sebiji epal.”*

## 9. طالبين يأكلان التفاحتين

|        |         |       |       |      |
|--------|---------|-------|-------|------|
| talib- | in      | ya-   | kul   | -ani |
| murid  | Dual    | kala. | makan | Dual |
| al-    | tafaaha | -tayn |       |      |
| DEF    | epal    | Dual  |       |      |

*“Dua orang pelajar makan dua biji epal.”*

## 10. طلاب يأكلون التفاح

|              |       |             |
|--------------|-------|-------------|
| tulaab       | ya-   | kul         |
| murid(Jamak) | kala. | makan       |
| -una         | al-   | tufaah      |
| Jama.        | Def   | epal(JamaK) |

*“Ramai pelajar makan banyak epal.”*

Ayat 8, 9 dan 10 merupakan ayat dalam bahasa Arab yang menggunakan penandaan bernombor pada KN dan KK. Subjek *talib* yang merujuk sebagai subjek bagi ayat 8 merupakan subjek tunggal bermaksud *seorang pelajar*, namun apabila subjek membawa kuantiti jamak, maka dalam bahasa Arab, perubahan fonem pada tengah ayat berubah kepada *tulaab* membawa maksud *ramai pelajar* pada ayat 1). Dalam bahasa Arab, berlaku fenomena, iaitu perubahan jamak sesuatu

leksikal dipengaruhi oleh bilangan huruf dalam leksikal tersebut, maka, wujud unsur KN tetap dan KN tak tetap untuk penggunaan jamak bagi leksikal dalam bahasa Arab. Sama seperti subjek, objek dalam ayat juga berubah daripada tunggal *al-tufaaha-tan* yang bermaksud *sebiji epal* bagi ayat 8 kepada jamak *al-tufaah* bagi ayat 10. Uniknya pada bahasa Arab, berlaku fenomena yang membawa kepada kuantiti dua seperti ayat 9, subjeknya *talib-in* bagi *dua orang pelajar* dan objeknya *al-tafaaha-tayn* bermaksud *dua biji epal*. Bagi KK pula, ayat 8 *ya-kul* memberikan gambaran bahawa pelaku dalam ayat merupakan subjek tunggal, dan penanda nombor tersebut turut membawa fitur kala kini bersamanya. Berbeza dengan ayat 9 dan 10, apabila kuantiti subjek adalah dua atapun jamak, maka apitan *ya-* berubah menjadi kala kini ekoran daripada apitan akhir *-ani* dan *-una* yang menjadi penanda bernombor bagi KK ayat 9 dan 10 masing-masing. Berdasarkan fenomena dalam bahasa Arab mengenai penandaan bernombor, satu persoalan perlu dijawab dalam kajian ini: Adakah wujud penandaan bernombor mengikut bilangan subjek atau objek ataupun penandaan bernombor mempunyai keseragaman seperti dalam bahasa Inggeris?

Kajian tambahan oleh Kirby dan Sevgi (2023) mengenai penandaan bernombor dalam bahasa Turki juga perlu dibincangkan apabila mengkaji mengenai posisi penandaan bernombor bahasa Semai. Penggunaan penandaan bernombor apitan akhiran *-lar* merujuk kepada jamak sekiranya diapit bersama KN. Namun begitu, penggunaan apitan akhiran *-lar* berbeza mengikut

dialek Turki, seperti dialek Sakha, antara dialek bahasa Turki, penggunaan apitan *-lar* merujuk kepada tiga orang secara langsung namun secara umumnya, *-lar* membawa maksud jamak yang tidak boleh dikira dalam bahasa Turki formal. Ayat berikut menunjukkan penggunaan apitan *-lar* dalam bahasa Turki:

11. bizim çocuklarımız evde oynuyor

|       |           |         |       |     |
|-------|-----------|---------|-------|-----|
| bizim | çocuk     | -lar    | -im   | -iz |
| kami  | anak-anak | Jama.   | 1P    | PLP |
| ev-   | de        | oynu    | yor   |     |
| rumah | di        | bermain | kala. |     |

*“Anak-anak kami bermain di rumah.”*

Berdasarkan ayat 11, penggunaan penandaan bernombor *-lar* diapit bersama KN untuk memberikan maksud jamak bagi *çocuk* yang asalnya merupakan *anak*, namun apabila diapit menjadi *çocuk-lar*, maka perubahan makna juga berubah kepada *anak-anak* yang membawa kepada kuantiti jamak. Kirby dan Sevgi (2023) juga memberikan panduan rajah bagi penggunaan apitan *-lar*. Menurut beliau, apitan *-lar* yang diapit bersama leksikal *on* dan KGND ketiga *-in* berada di bawah payung Frasa Determiner (DP) yang meninggalkan bekas di bawah Determiner (D) ditarik melangkaui Determiner' (D'). KN *at* bermaksud *kuda* pula kekal di bawah Frasa Nama (FN). Oleh yang demikian, berdasarkan kajian bahasa Turki ini, difahami bahawa penandaan bernombor merupakan apitan sufiks, atau apitan akhiran, sama seperti bahasa Inggeris. Perkara ini membantu pengkaji

untuk menganalisis kedudukan penandaan bernombor bahasa Semai dalam membina ayat yang lengkap dalam bahasa Semai.

Walau bagaimanapun, wujud perbincangan mengenai penandaan bernombor yang hanya dapat melekat pada subjek dan bukan objek, dan turut berada di bawah perbincangan Frasa Agreement (FAGre). Perbincangan ini diulas oleh Eberhard (1997) bahawa agremen subjek tunggal diimplementasi secara *default*, manakala agremen subjek jamak diberikan berdasarkan maklumat bernombor tidak khusus. Agremen yang dimaksudkan tidaklah berapit secara sufiks atau anaforiks bersama subjek, namun hadir sebagai leksikal. Agremen penandaan juga tidak diberikan kepada objek kerana Keserasian antara agremen dengan objek adalah samar-samar dan kurang berlaku berbanding agremen bersama subjek, padanan tersebut menjanjikan pematuhan tatabahasa kepada KK dan pembunyian fonologi lebih cenderung melibatkan subjek berbanding objek (Siewierska, 1999). Sehubungan itu, kehadiran penandaan bernombor dalam bahasa Semai yang hadir selepas KN dan sebelum KK menjadi isu kepada Keserasian yang sesuai untuk memadankan agremen penandaan bernombor tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini cenderung untuk meperlihatkan posisi dan fungsi penandaan bernombor dalam bahasa Semai.

### Konsep Sintaksis Program Minimalis


Kajian bahasa Orang Asli Bateq yang dijalankan oleh Ropiah et al. (2023) yang mengaplikasikan teori Program

Minimalis, menggunakan rajah pohon untuk menerangkan penggunaan *sedang* dalam bahasa Bateq dengan jelas seperti Rajah 1.


Kajian lepas mengenai bahasa Orang Asli Negrito suku kaum Bateq membantu pengkaji untuk membentuk rajah pohon bagi mengulas mengenai bahasa Semai yang menjadi fokus kajian ini. Seperti kajian Ropiah et al. (2023), rajah pohon ini menunjukkan pergerakan subjek *yek* yang bergerak daripada posisi Fk, meninggalkan bekas untuk menjadi kepala dalam ayat ini. Kedua-dua *yek* dan *yem* merupakan KGND pertama, namun dalam ayat ini, sekiranya posisi *yek* hadir sebelum *yem*, maka *yem* berubah fungsi menjadi *sedang* dalam ayat. Oleh yang demikian, penggunaan rajah pohon membantu kajian mengenai struktur ayat dengan baik kerana penggunaannya

membolehkan pengkaji melihat pergerakan setiap leksikal ke posisi yang ditetapkan.

Penganalisan Program Minimalis (PM) yang ditulis oleh Chomsky (2015) juga menjadi rujukan pengkaji untuk membincangkan penulisan ini kerana penggunaan PM yang menganalisis struktur ayat hingga ke peringkat minimal membantu penguraian data bahasa Semai bagi mengenal pasti fitur-fitur yang ada pada leksikal bahasa Semai. Kajian-kajian mengenai struktur ayat bahasa Orang Asli juga menggunakan pendekatan sintaksis yang sesuai untuk menganalisis ayat secara tersusun dan menyeluruh. Tatabahasa Generatif (TG) melalui pendekatan PM yang dianjurkan oleh Chomsky (1995) merupakan antara pendekatan yang menunjukkan representasi menerusi rajah



Rajah 1. Penggunaan rajah pohon bagi menerangkan struktur ayat bahasa Bateq (Sumber: Ropiah et al., 2023)



Rajah 2. Kerangka asas program minimalis (*Sumber:* Sultan et al., 2011)

pohon yang menerangkan bentuk ayat sehingga ke peringkat minimal. Representasi yang dipamerkan oleh PM membantu menjelaskan fitur-fitur yang terlibat dalam pembinaan ayat (Sultan et al., 2011). Kerangka asas PM adalah berdasarkan Rajah 2.

PM yang mengandaikan bahawa leksikal yang wujud secara lahiriah dalam leksikon manusia dapat dikelaskan mengikut fitur masing-masing. Proses operasi sintaksis kemudiannya berterusan kepada peringkat numerasi, yang menyuaikan leksikal bersesuaian dari bentuk logik dan fonetik untuk dipadankan dalam ayat. Maka, kajian bahasa Orang Asli dengan menggunakan PM dapat membantu kajian ini mengenal pasti penandaan bernombor dalam bahasa Semai. Penerangan setiap ayat dalam bahasa Semai sehingga ke peringkat minimal dapat memandu pengkaji mengenal pasti penandaan bernombor dalam ayat bahasa Semai, seterusnya membincangkan penggunaan dan fungsinya dalam ayat. Seperti yang ditegaskan oleh Zawawi et al. (2022), struktur sintaksis bahasa perlu diterangkan sehingga peringkat minimal

untuk memahami setiap fungsi leksikal dalam ayat.

Maka, pendekatan teori yang baik dapat menerangkan struktur ayat bahasa Semai yang menggunakan penandaan bernombor yang belum ditandai dengan baik.

## METODOLOGI

Kajian ini ingin memberikan tumpuan kepada perbincangan penandaan bernombor bahasa Semai di Pahang menggunakan pendekatan Program Minimalis (PM) dan penerangan deskriptif bagi menghuraikan fungsi penandaan bernombor dalam bahasa Semai. Kajian bahasa Semai yang terdahulu oleh Zailani et al. (2023) menjadi antara panduan kajian ini. Kajian ini bersifat deskriptif yang membincangkan secara jelas dapatkan daripada data temu bual bersama penutur natif bahasa Semai di RPS Betau, Sungai Koyan, Pahang. Penutur bahasa Semai di RPS Betau mempunyai suatu keunikan bahasa yang yang sama dengan dialek Pahang yang mempunyai kelajuan berbeza mengikut deras sungai. Bagi penutur bahasa Semai pula, ketinggian kawasan penempatan masing-masing

mempengaruhi alunan sebutan leksikal bahasa Semai di Pahang; semakin tinggi kawasan penutur bahasa Semai, semakin beralun leksikal yang disebutkan (Kura, temu bual peribadi, Mac 8, 2023). Kaedah kajian menggunakan teknik temu bual bersama responden. Dua orang lelaki dipilih sebagai responden, yang berumur 60 tahun ke atas, sejajar dengan pendekatan NORMs, ‘*Non-mobile*,’ ‘*Old*,’ ‘*Rural*’ dan ‘*Male*,’ yang disyorkan oleh Chambers dan Trudgill (1980). Temu bual yang dijalankan merupakan temu bual soal dan jawab antara pengkaji dengan responden dengan topik-topik berkaitan aktiviti di rumah, suasana di pasar dan suasana majlis keramaian. Proses temu bual bermula dengan soalan yang memberikan jawapan ayat mudah sehingga ayat yang kompleks. Kajian ini akan mengehadkan temu bual tersebut dengan memberi fokus kepada jawapan yang mempunyai kata bilangan dalam ayat bagi tujuan analisis menggunakan PM. Penggunaan suasana aktiviti harian dipilih sebagai medium untuk membantu responden membina ayat lengkap yang mudah dan dapat melancarkan pembentukan struktur ayat bahasa Semai. Pembersihan data kemudiannya dilakukan bagi memastikan setiap ayat yang dikumpulkan hanya mempunyai ayat-ayat yang lengkap bersama subjek, objek, predikat dan KK.

Dapatkan dari temu bual kemudiannya akan ditranskripkan bersama penutur natif bahasa Semai, iaitu Tok Batin, yang dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Transkripsi dapatkan dijalankan menggunakan peringkat glos

dan seterusnya dalam struktur bahasa Melayu. Pemilihan ayat yang diambil dalam penulisan ini memberikan tumpuan kepada pembentukan ayat yang mempunyai penanda bernombor dalam ayat. Kaedah penganalisisan kemudiannya dilakukan menggunakan teori atau pendekatan Kerangka Minimalis (Chomsky, 2015) ekoran daripada kesesuaian pendekatan ini dengan data kajian, di samping pengkajian ayat untuk memperlihatkan fitur dan fungsi setiap leksikal bahasa Semai (Jalabneh, 2022). Analisis juga dijalankan dalam dua peringkat, penerangan operasi sintaksis pembentukan ayat dengan melihatkan pergerakan leksikal berdasarkan rajah pohon dan penerangan data secara deskriptif dengan bantuan rajah pohon yang mempunyai FAgre sebagai payung utama rajah pohon. Huraian mengenai fungsi penandaan bernombor bahasa Semai juga dapat diterangkan dengan baik dengan penggunaan teori PM. Oleh yang demikian, pendekatan yang disenaraikan dalam penulisan ini merupakan pendekatan yang baik untuk menjelaskan fenomena bahasa penandaan bernombor bahasa Semai.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan PM bagi menganalisis dapatan data yang diambil bagi membincangkan penandaan bernombor dalam bahasa Semai dari aspek sintaksis. Maka, berdasarkan data yang dibersihkan, tiga jenis penandaan bernombor akan dipilih (tunggal, dual, jamak) untuk dianalisis dengan menggunakan pendekatan PM. Berpandukan kepada tiga jenis penandaan

Jadual 1

*Padanan penandaan bernombor bahasa Semai yang gramatis dan janggal*

| <b>Penanda bernombor bahasa Semai</b> | <b>an</b> | <b>bi</b> | <b>ubai</b> | <b>mai</b> |
|---------------------------------------|-----------|-----------|-------------|------------|
| KGND pertama tunggal                  | /         | x         | x           | x          |
| KGND pertama jamak                    | x         | x         | /           | /          |
| KGND kedua tunggal                    | x         | /         | x           | x          |
| KGND kedua jamak                      | x         | x         | /           | x          |
| KGND ketiga tunggal                   | x         | /         | x           | x          |
| KGND ketiga jamak                     | x         | x         | /           | x          |

bernombor tersebut, leksikal KGND bahasa Semai akan dipadankan bersama penandaan bernombor tersebut untuk mengenal pasti ciri ayat gramatis dan ayat janggal. Hasil padanan tersebut dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.

Hasil kajian mendapati bahawa penandaan bernombor hanya digunakan berdasarkan bilangan subjek dalam ayat dan hanya KGND tertentu sahaja dipadankan bersama penandaan bernombor bahasa Semai. Hal ini kerana penandaan bernombor tunggal bahasa Semai hanya digunakan bagi subjek tunggal bagi semua jenis KGND, penandaan bernombor dual hanya bagi bilangan dua sahaja, dan penandaan bernombor jamak hanya digunakan bagi KGND pertama tunggal.

### **Penandaan Bernombor dalam Bahasa Semai**

Peranan penandaan bernombor dalam ayat berfungsi sebagai penanda yang memberikan maklumat dalam ayat mengenai kuantiti yang wujud pada subjek atau objek dalam ayat (Ochi, 2023). Penandaan bernombor tidak terhad kepada KN, namun juga didapati pada KK, pada sesetengah bahasa

seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab, untuk memberikan penjelasan mengenai jumlah subjek tanpa menghadirkan leksikal nombor dalam struktur ayat. Bagi bahasa Semai, penandaan bernombor ini juga menjelaskan bilangan penutur dalam ayat. Kesemua penandaan bernombor dilihat hanya hadir sebelum KK dan selepas subjek sahaja yang dianggap gramatis.

### **Penandaan Bernombor Tunggal**

Subjek tunggal dalam ayat seperti bahasa Melayu, menggunakan penjodoh bilangan *seorang* ataupun *seekor* untuk memberikan maklumat mengenai KN yang digunakan dalam ayat ialah subjek tunggal. Penggunaan penjodoh bilangan *seorang* ataupun *seekor* juga menggambarkan pihak ketiga. Bagi bahasa Semai, penanda bernombor *bi* digunakan bagi kesemua KGND tunggal mewakili sebagai bilangan tunggal kepada subjek dalam ayat, seperti ayat berikut:


12. ile *bi* nok bukuk it  
 Dia Tung. ambil buku itu  
 “Dia ambil buku itu.”

13. hek *bi* menman ku dək  
kamu Tung main di rumah  
“Kamu main di rumah.”
14. kerdor it *bi* baklik roti  
Perempuan itu Tung. beli roti.  
“Perempuan itu membeli roti.”
15. \**bi* ile nok bukuk it  
Tung. dia ambil buku itu  
“Dia ambil buku itu.”
16. *bi* hek menman ku dək  
Tung. kamu main di rumah  
“Kamu main di rumah.”
17. \* ile nok *bi* bukuk it  
dia ambil Tung. buku itu  
“Dia ambil buku itu.”
18. \*kerdor it baklik *bi* roti  
Perempuan itu beli Tung. roti.  
“Perempuan itu membeli roti.”

Ayat 12 hingga ayat 18 merupakan ayat dalam bahasa Semai yang menggunakan penandaan bernombor *bi* sebagai leksikal yang membawa maksud tunggal kepada subjek dalam ayat. Penggunaan *bi* dilihat hadir selepas KGND ketiga *ile* seperti ayat 12 dan kedua *hek* bagi ayat 13, atau KN seperti ayat 14 *kerdor it*. Kehadiran *bi* selepas KGND atau KN dan sebelum KK memberikan maklumat kepada pendengar mengenai subjek tunggal dalam ayat-ayat tersebut. Penanda bernombor *bi* tidak boleh hadir sebelum KN, KGND atau

selepas KK seperti ayat 15, 16, 17 dan 18 kerana ayat tersebut akan menjadi janggal. Isu ini menunjukkan bahawa penggunaan penandaan bernombor perlu hadir selepas subjek dan sebelum KK untuk memberikan maklumat mengenai subjek. Sekiranya penanda bernombor hadir sebelum subjek, maka penanda tersebut tidak dapat menerangkan kuantiti subjek yang hadir selepas penanda tersebut. Begitu juga sekiranya penanda hadir selepas KK, maka penanda tersebut tidak dapat menerangkan subjek yang hadir sebelumnya. Oleh itu, posisi penandaan bernombor perlu hadir antara subjek dengan KK untuk menerangkan kuantiti subjek secara menyeluruh dalam ayat. Berdasarkan ayat-ayat berikut, jelas membuktikan bahawa penanda bernombor *bi* wajib untuk hadir selepas KN atau KGND dan sebelum KK bagi memastikan ayat tersebut gramatis dan difahami maksudnya. Rajah 3 merupakan rajah pohon pergerakan penanda *bi* dalam bahasa Semai.

Berdasarkan rajah pohon bagi ayat 12, penanda *bi* berada pada di bawah Agre', bagi memastikan posisinya tidak mendahului subjek *ile*. Proses pembinaan rajah pohon yang dimulai dengan FK, KK *nok* digabungkan dengan padanan objek KN yang sesuai, *bukuk it*. Padanan logikal tersebut dianggap sempurna kerana padanan *bukuk it* sebagai objek memenuhi kriteria bagi digabungkan bersama *nok* yang merupakan kata kerja transitif yang memerlukan argument. Gabungan FK dan k kecil pula membentuk k' (k tanda). (k) kecil akan membentuk struktur cantuman yang diduduki oleh fitur tak berinterpretasi



Rajah 3. Rajah pohon ayat 12

[uN] di sebelah kanan. Posisi sebelah kiri pula diduduki oleh KK yang naik ke posisi k untuk memenuhi Uniformity of P-Assignment Hypothesis (UTAH), yang menyebabkan KK pada output FK meninggalkan bekas (<nok>). UTAH merupakan hubungan tematik antara predikat dengan argumen yang diwakili oleh hubungan struktur sintaksis ketika item digabungkan. Proses seterusnya pula menghubungkan padanan KGN *ile* bersama payung *k'* bagi memenuhi fitur nominatif yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat. Proses selanjutnya pula menggabungkan Agre bersama output sebelumnya dengan kehadiran *bi* yang membawa fitur agreemen tunggal bersamanya. Tujuan *bi* berada di bawah payung Agre' kerana leksikal *bi* tersebut membawa fitur yang perlu untuk melekat bersama subjek dalam ayat agar dapat berfungsi sebagai penanda bilangan

tunggal. Posisi *bi* juga berada sebelum kehadiran KK *nok* agar sinergi antara kuantiti dengan subjek dapat membawa maksudnya hingga ke hubungan KK dalam rajah pohon. KGN *ile* disemak berdasarkan prinsip Keserasian antara Agre dengan *k*, di mana fitur nominatif dan tunggal kedua-duanya telah disemak berdasarkan padanannya. Leksikal *bi* masih mengekalkan fitur tunggal bersamanya untuk memberikan maklumat mengenai argumen subjek yang dimilikinya haruslah bersifat tunggal. Oleh itu, leksikal *bi* dapat berada selepas subjek untuk berfungsi agar ayat dibina tidak janggal dan mempunyai makna yang difahami oleh pendengar.


Penggunaan penanda tunggal *bi* yang hanya dapat digunakan oleh KGND kedua dan ketiga memberikan persoalan baharu dalam kajian ekoran daripada penggunaannya yang mengecualikan

KGND pertama. Penanda tunggal *bi* yang hanya terhad kepada KGND kedua dan ketiga meninggalkan KGND pertama yang juga mempunyai subjek tunggal. Oleh itu, penggunaan penandaan bernombor berbeza digunakan khusus untuk KGND pertama, *an*. Penanda bernombor *an* seperti penanda *bi*, perlu dihadiri selepas KN ataupun KGND dan sebelum KK untuk memastikan kuantiti subjek dapat diterangkan menerusi penanda *an*. Hal ini kerana penanda *an* merupakan penanda yang khusus untuk KGND pertama dan sering digunakan bersama *ing* yang bermaksud *saya* atau *aku* dalam bahasa Semai. Ayat berikut menerangkan posisi penanda *an* dalam ayat bahasa Semai:

19. ing *an* chip ma kedai  
aku Tung. jalan ke kedai.  
“Aku sedang berjalan ke kedai.”
20. ing *an* chep chip.  
saya Tung. jalan jalan  
“Saya sedang berjalan-jalan.”
21. ing *an* nyot teyo ku botol ley  
saya Tung. minum air di botol ku  
“Saya minum air dalam botol saya.”
22. \**an* *ing* chep chip.  
Tung. saya jalan jalan  
“Saya sedang berjalan-jalan.”
23. \**ing* chip *an* ma kedai  
aku jalan Tung. ke kedai.  
“Aku sedang berjalan ke kedai.”  
“Saya sedang berjalan-jalan.”

Seperi penanda *bi*, posisi *an* perlu berada selepas KGND pertama dan sebelum KK seperti ayat 19, 20 dan 21. Hal ini kerana penerangan atau fitur tunggal yang dibawa oleh penanda *an* perlu dipautkan bersama subjek ayat *ing* untuk menjelaskan bahawa pelaku tersebut merupakan pelaku tunggal yang merujuk kepada pihak pertama. Oleh itu, posisi penanda *an* haruslah berada tetap di antara KGND dengan KK agar maklumat mengenai subjek dapat diterangkan serta tidak menjadi janggal seperti ayat 22 dan 23. Rajah 4 menerangkan pergerakan penanda *an* dalam pembinaan ayat.

Pada rajah pohon ayat 19, penanda *an* berada di bawah payung Agre' agar penanda bernombor tersebut tidak mendahului subjek *ing* atau keseluruhan ayat akan menjadi janggal dan mengelirukan pendengar. KK *chip* yang hadir selepas penanda *an* kemudiannya dapat menjelaskan bahawa subjek dalam ayat merupakan pelaku tunggal yang melakukan KK *chip ma kedai* bermaksud *pergi ke kedai*. Secara tidak langsung, ayat ini merupakan ayat yang diberikan kala kini secara *default*. Kesemua fitur tidak berinterpretasi disemak melalui prinsip Keserasian, dan leksikal *an* mengekalkan fitur tunggal untuk memberikan maklumat mengenai agrement subjek bersamanya haruslah bersifat tunggal dan KGND pertama. Oleh itu, penanda *an* merupakan penanda bernombor tunggal yang khusus digunakan bagi KGND pertama sahaja, seperti penanda *bi* yang khusus diberikan kepada pelaku tunggal bagi KGND kedua ataupun ketiga sahaja. Sekiranya penanda *an* dan *bi* digunakan bagi KGND yang berbeza, maka ayat yang dibina



Rajah 4. Rajah pohon ayat (19)

akan menjadi janggal ekoran daripada penandaan bernombor yang tidak sesuai digunakan untuk KGND masing-masing seperti ayat berikut:

24. *ing bi nok bukuk it*  
saya Tung. ambil buku itu  
“Saya ambil buku itu”

25. \**ile an chep chip.*  
dia Tung. jalan jalan  
“Dia sedang berjalan-jalan.”

26. \**hek an chep chip.*  
kamu Tung. jalan jalan  
“Kamu sedang berjalan-jalan.”

Walaupun penanda *an* dan *bi* keduanya membawa fitur tunggal bersamanya, namun sekiranya digunakan dengan KGND yang tidak bersesuaian, maka ayat tersebut

menjadi janggal ekoran daripada kesalahan penggunaan KGND dalam ayat seperti ayat 24, 25 dan 26. Meskipun ayat tersebut secara zahirnya memenuhi posisi-posisi yang betul, namun kesalahan penanda bernombor menjadikan ayat-ayat berikut salah dan janggal bagi penutur bahasa Semai di Pahang. Pembentukan rajah pohon tidak dapat dijalankan ke atas ayat tidak gramatis kerana PM hanya menjalankan ayat yang mempunyai makna dan boleh difahami oleh pendengar. Ayat yang tidak gramatis, sekiranya dibentuk rajah pohon, akan mengakibatkan berlakunya pertimbungan pada peringkat *Agre'* kerana rajah pohon mengambil kira padanan yang bersesuaian dengan setiap leksikal dalam ayat. Berdasarkan ayat 24 hingga 26, padanan penandaan bernombor tidak bersesuaian dengan subjek, maka ayat dianggap tidak gramatis dan tidak dapat

diterangkan melalui paparan rajah pohon ke peringkat minimal. Oleh itu, penggunaan penanda bernombor haruslah tepat dan bersesuaian dengan KGND masing-masing untuk membentuk ayat yang gramatis dalam bahasa Semai.

### **Penandaan Bernombor Dual**

Bahasa Semai turut mempunyai penandaan bernombor yang mewakili kuantiti dua bagi subjek yang digunakan dalam ayat, sama seperti bahasa Arab. Fenomena ini membuktikan bahasa Orang Asli turut progresif dalam penandaan bernombor ekoran mempunyai penghususan penandaan bernombor yang menggunakan penanda atau leksikal tersendiri dan bukan leksikal nombor. Seperti penanda tunggal, penanda dua bahasa Semai *ubai* perlu digunakan selepas subjek dan sebelum KK agar fitur yang dibawa bersamanya dapat menerangkan kuantiti yang wujud pada subjek dan dibawa kepada keseluruhan ayat, seperti contoh ayat berikut:

27. duwak sayek kəral *ubai*  
dua budak lelaki Dual

menman besame same  
main bersama-sama

“Dua orang budak lelaki bermain bersama-sama.”

28. \*duwak *ubai* sayek kəral  
dua Dual budak lelaki

menman besame same  
main bersama-sama


“Dua orang budak lelaki bermain bersama-sama.”

29. \*duwak sayek kəral menman  
dua budak lelaki main  
*ubai* besame same  
Dual bersama-sama

“Dua orang budak lelaki bermain bersama-sama.”

Ayat 27 menunjukkan bahawa wujud elemen penanda bernombor selain leksikal nombor dalam ayat untuk menerangkan kuantiti subjek dalam ayat. Subjek ayat *duwak sayek kəral* secara dasarnya telah menerangkan jumlah pelaku dalam ayat ekoran daripada leksikal nombor *duwak* pada awal ayat, namun, dalam bahasa Semai, penanda bernombor turut perlu hadir dalam ayat untuk memastikan ayat tersebut gramatis dan lengkap. Maka, kehadiran penanda bernombor dua *ubai* hadir selepas subjek, bagi memberikan fitur *dual* kepada subjek seterusnya menerangkan kuantiti subjek dalam ayat secara keseluruhan. Mengikut peraturan penandaan bernombor bahasa Semai, seperti penanda *bi* dan *an*, penanda *ubai* juga tidak dapat hadir sebelum subjek seperti ayat 28 dan selepas KK seperti ayat 29 atau kedua-dua ayat akan menjadi janggal dan tidak dapat difahami oleh pendengar. Rajah 5 menerangkan pergerakan penanda *ubai* dalam ayat (27).

Rajah pohon ayat 27 menunjukkan posisi penanda bernombor *ubai* dilihat berada di bawah payung Agre' agar posisinya tidak mendahului subjek ayat *duwak sayek kəral*. Semakan fitur tidak berinterpretasi dilakukan berdasarkan prinsip Keserasian yang menyemak kesemua fitur dalam setiap pemilihan leksikal dalam ayat. Leksikal




Rajah 5. Rajah pohon ayat (27)

*ubai* mengekalkan fitur *dual* bersamanya untuk memberikan maklumat bahawa padanan subjek hanyalah khusus kepada subjek yang bersifat *dual*. Oleh sebab tiada pengkhususan kala yang dibawa oleh manama leksikal, maka secara *default* kala kini diberikan bagi ayat ini. Keseluruhannya, penggunaan penanda *ubai* merupakan penanda khusus *dual* yang wujud dalam bahasa Semai bagi menerangkan kuantiti subjek dua orang.

### Penandaan Bernombor Jamak

Penanda bernombor jamak bagi bahasa Semai menggunakan penanda *mai* dalam ayat untuk menunjukkan kuantiti subjek dalam ayat adalah jamak. Penggunaan penanda *mai* digunakan bersama KGND pertama jamak *jik* bagi *kami* ataupun *hik* bagi *kita*. Paparan data bagi penggunaan penanda *mai* adalah seperti berikut:

30. jik mai beruyong  
kami Jama. gotong-royong  
“Kami bergotong-royong.”
  31. hik mai jelek besame-same  
Kita Jama. duduk bersama-sama  
“Kita duduk bersama-sama.”
  32. \*mai jik beruyong  
Jama. kami gotong-royong  
“Kami bergotong-royong.”
  33. \*hik jelek mai besame-same  
Kita duduk Jama. bersama-sama  
“Kita duduk bersama-sama.”
- Bagi KGND pertama jamak, *hik* dan *jik* sudah membawa fitur jamak bersamanya, namun sekiranya tidak dihadirkan penanda jamak *mai* selepasnya, maka ayat yang dibina akan menjadi janggal seperti ayat 32



Rajah 6. Rajah pohon ayat 31

dan 33. Maka, ayat yang tepat penggunaan penanda *mai* adalah seperti ayat 30 dan 31 yang meletakkan penanda jamak selepas subjek bagi memberikan fitur jamak kepada pelaku dalam ayat untuk diterangkan secara keseluruhan bagi ayat yang dibina. Rajah 6 menerangkan pergerakan penanda *mai*.

Pada rajah pohon ayat 31, posisi penanda *mai* berada di bawah *Agre'* untuk memastikan posisinya tidak mendahului subjek ayat *hik*. Kemudian, KK *jelek bersame-same* dijadikan predikat ayat untuk memberikan maklumat mengenai subjek jamak dalam ayat, agar maklumat ayat menjadi lengkap dan gramatis. Setiap fitur tidak berinterpretasi disemak melalui prinsip Keserasian bagi memastikan fitur-fitur tersebut mempunyai padannya dan dapat disemak berdasarkan prinsip tersebut.

Secara umumnya, penggunaan penanda jamak *mai* digunakan oleh KGND pertama jamak *hik* dan *jik* untuk memastikan fitur

jamak yang dibawa oleh penanda bernombor dapat diberikan kepada subjek sebagai pelengkap ayat agar ayat menjadi gramatis dan sempurna.

## PERBINCANGAN

Penandaan bernombor dalam bahasa Semai mempunyai padanan yang tersendiri dan tidak dapat digunakan oleh KGND yang tidak bersesuaian. Hal ini kerana penandaan bernombor tersebut perlu dipadankan dengan KGND yang sesuai berdasarkan Keserasian pada fitur dan bentuknya dalam struktur ayat. Penerangan rajah pohon yang dibincangkan mengambil kira pergerakan leksikal dan proses-proses penyemakan fitur dilakukan mengikut prinsip Keserasian yang diambil panduannya berdasarkan analisis sintaksis KGND Mah Meri oleh Sultan dan Mohamad Yusof (2023).

Walau bagaimanapun, penggunaan penandaan bernombor kian kurang

digunakan oleh penutur bahasa Semai di kawasan RPS Betau ekoran daripada penutur bahasa Semai yang asli semakin berkurangan dan penggunaan leksikal bahasa Melayu yang dipinjam juga semakin banyak digunakan menggantikan fitur asal bahasa Semai (Tok Batin Osman, temu bual peribadi, Ogos 13 2022). Oleh yang demikian, hanya penanda-penanda yang disenaraikan sahaja yang dapat dianalisis dalam kajian ini bagi penanda tunggal dan jamak, ekoran daripada keterbatasan responden NORMs yang sukar untuk didapati di kawasan tersebut.

Tambahan pula, bagi penanda jamak *mai*, majoriti penutur bahasa Semai di RPS Betau turut menggunakan leksikal tersebut sebagai KGND ketiga *mereka* pada ayat yang dibina. Isu ini menimbulkan persoalan kepada pengkaji sekiranya leksikal *mai* turut membawa KGND bersamanya ataupun tidak. Sehubungan itu, penggunaan penanda *mai* sebagai penanda jamak yang diiktiraf oleh responden hanyalah diberikan kepada KGND pertama jamak *hik* dan *jik*. Namun begitu, fenomena satu leksikal mempunyai pelbagai fitur bukanlah perkara asing dalam bahasa Orang Asli kerana komunikasi yang dituturkan oleh komuniti Orang Asli yang gemar menggunakan ayat pendek dan leksikal berulang dalam ayat yang sama (Ropiah et al., 2023). Maka, kajian lanjutan mengenai leksikal *mai* perlulah dijalankan untuk khalayak memahami dengan lebih terperinci mengenai leksikal tersebut dan fitur yang dibawa bersamanya.

## KESIMPULAN

Penandaan bernombor yang digunakan dalam ayat adalah berbeza mengikut bahasa-bahasa yang wujud di dunia, termasuklah bahasa Orang Asli. Pengaruh bahasa Inggeris ke dalam bahasa Semai, seperti yang diulas oleh Kura (temu bual, Mac 8, 2023) dapat dilihat pada beberapa penanda bernombor yang dibincangkan membuktikan bahawa bahasa Semai merupakan antara bahasa yang unik dan perlu dipelihara sebagai bahasa warisan, seperti bahasa-bahasa Orang Asli yang wujud di Malaysia. Penggunaan PM yang dapat menerangkan struktur ayat beserta penandaan bernombor memberikan gambaran bahawa ayat-ayat yang lengkap perlu dimasukkan penanda-penanda yang bersesuaian agar ayat menjadi gramatis dan difahami. Penerangan sehingga ke peringkat minimal menggunakan rajah pohon juga membantu kajian ini untuk melihatkan pergerakan penanda bernombor dalam ayat dan diterangkan dengan jelas dan terperinci.

Walaupun fenomena penandaan bernombor dapat diuraikan menerusi dapatan data yang diperoleh, kekangan-kekangan seperti kekurangan data, kekurangan responden yang sesuai dan keterbatasan waktu menjadi faktor kepada perbincangan data yang tidak menyeluruh dalam kajian ini. Maka, berpandukan kajian ini, kajian mengenai bahasa Orang Asli dan fenomena bahasa bersamanya perlulah digiatkan dan diperbanyakkan agar kekurangan kajian ini dapat ditambah baik dan diperincikan lagi penerangannya supaya pemahaman masyarakat terhadap

bahasa Semai atau bahasa Orang Asli keseluruhannya dapat dipertingkatkan dan diamati dengan baik dan menyeluruh. Penggunaan kaedah kajian yang lebih baik juga dapat memastikan data-data yang diambil lebih berkualiti dan bernes agar perbincangan kajian lebih jelas dan terperinci.

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini memberikan maklumat mengenai sistem pernomboran yang melambangkan jumlah subjek dalam bahasa Semai untuk membuktikan bahawa bahasa Semai turut mempunyai sistem bahasa tersendiri, di samping mempunyai keunikan dalam struktur sintaksis. Kajian ini juga memberikan pemahaman baharu bahawa terdapat pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Semai yang mempunyai sistem pernomboran bagi melambangkan subjek, seperti yang dimaklumkan oleh penutur bahasa Semai (Kura, temu bual peribadi, Mac 8 2023). Penggunaan PM turut dimaklumkan untuk menganalisis dan menghuraikan penandaan bernombor bahasa Semai dengan membincangkan kedudukan, fungsi dan syarat yang perlu dipatuhi dalam meletakkan penanda tersebut dalam struktur sintaksis bahasa Semai. Oleh itu, PM dapat dijadikan pendekatan yang baik untuk menganalisis leksikal yang tidak ditandai dengan jelas hingga ke peringkat minimal. Pemeliharaan bahasa ini juga dapat dilaksanakan dengan mempromosikan keunikan bahasa Semai kepada masyarakat umum yang boleh diserap dalam bahasa Melayu sebagai varian bahasa. Kajian

bahasa Semai ini juga membuktikan bahawa pengaplikasian teori PM dapat digunakan ke atas bahasa-bahasa asing seperti bahasa Orang Asli dengan baik. Oleh yang demikian, PM membuktikan bahawa pendekatannya adalah antara pendekatan yang baik untuk menjelaskan struktur ayat suatu bahasa dengan teliti dengan menerangkan bentuk ayat bahasa tersebut hingga ke peringkat minimal.

### **Batasan Kajian**

Dapatkan kajian ini hanya menumpukan kepada penutur bahasa Semai yang berada di Pahang, kawasan sekitar Cameron Highlands sahaja dan tidak meliputi penutur bahasa Semai di kawasan negeri Perak. Hal ini kerana kajian terhadap penutur bahasa Semai di Perak sudah pernah dijalankan (Pelet et al., 2023). Oleh itu, kajian ini membataskan data kepada penutur bahasa Semai di kawasan sekitar Cameron Highlands, Pahang sahaja.

### **Cadangan Kajian pada Masa akan Datang**

Kajian hadapan perlu meperluaskan dapatan kajian dengan mengambil kira struktur sintaksis penandaan bernombor daripada penutur bahasa Semai di Perak untuk melihat persamaan ataupun varian baharu yang wujud ekoran daripada perbezaan kawasan. Tambahan pula, kajian hadapan mengenai bahasa Semai dapat dilihat daripada teras yang lain untuk memperincikan leksikal bahasa Semai dengan jelas dan teliti. Penggunaan teori yang lain juga digalakkan untuk menghasilkan perbincangan yang

menyeluruh dari pelbagai pendekatan yang berbeza.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pindaan 1 2021 yang berkod WAB/10/UKM/02/2 dan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) 2021 yang berkod 063; bertujuan membina pangkalan data model SLap (*Scientific Language Preservation*) untuk bahasa Orang Asli Negrito dan Senoi, dan dijalankan mengikut garis panduan Sekretariat Etika Penyelidikan UKM (Kod Protokol: UKM PPI/111/8/JEP – 2022 426).

## RUJUKAN

- Alias, N. (2016). *Perbandingan sistem ejaan jawi dalam Surat Sultan Zainal Abidin III dengan Sistem Ejaan Wilkinson, Za'ba dan baharu* [Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68768>
- Bale, A., & Khanjian, H. (2008). Classifiers and number marking. *Semantics and Linguistic Theory*, 73-89. <https://doi.org/10.3765/salt.v0i0.2478>
- Brickell, T. C. (2014). A grammatical description of the Tondano (Toundano) language [Doctoral thesis, La Trobe University]. [https://opal.latrobe.edu.au/articles/thesis/A\\_grammatical\\_description\\_of\\_the\\_Tondano\\_Toundano\\_language/21859608](https://opal.latrobe.edu.au/articles/thesis/A_grammatical_description_of_the_Tondano_Toundano_language/21859608)
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1980). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Chomsky, N. (1995). *The minimalist program*. MITPress.
- Chomsky, N. (2015). *The minimalist program*. MIT Press. <https://doi.org/10.7551/mitpress/9780262527347.001.0001>
- Eberhard, K. M. (1997). The marked effect of number on subject–verb agreement. *Journal of Memory and Language*, 36(2), 147-164. <https://doi.org/10.1006/jmla.1996.2484>
- Faye, J. C. (2023). The Study of the Plural Form in English and Siin Seereer. *International Journal of English Language and Linguistics Research*, 11(3), 39-48. <https://doi.org/10.37745/ijellr.13/vol11n33948>
- Gulö, I., & Rahmawelly, T. V. (2019). An analysis of omission in students' English writings. *Teknosastik*, 16(2), 55-59. <https://doi.org/10.33365/ts.v16i2.141>
- Hallberg, A., & Niehorster, D. C. (2021). Parsing written language with non-standard grammar: An eye-tracking study of case marking in Arabic. *Reading and Writing*, 34, 27-48. <https://doi.org/10.1007/s11145-020-10040-6>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2023). *Orang Bateq* (Dalam Talian). Diambil pada Februari 28, 2023, dari <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Jalabneh, A. M. (2022). Independent and subordinate subjunctive phrases and theta-marking in Arabic syntax: A minimalist view. *Theory and Practice in Language Studies*, 12(6), 1232-1239. <https://doi.org/10.17507/tpls.1206.25>
- Jaradat, A. (2023). Branching lexical plural into greater and paucal. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 1-17. <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2212462>
- Kirby, I. L., & Sevgi, H. (2023). Plural possession in Turkish and Sakha. *Proceedings of the Workshop on Turkic and Languages in Contact with Turkic*, 7, 73-87. <https://doi.org/10.3765/ptu.v7i1.5320>
- Ngullie, Y., & Khyriem, B. (2024). Numeral system in Lotha. *SN Social Sciences*, 4, Article 78. <https://doi.org/10.1007/s43545-024-00875-z>
- Ochi, M. (2023). Notes on plural elements in Japanese: A labelling approach linguistics. *Language and*

- Culture Joint Research Project, (2022), 1-10. <https://doi.org/10.18910/91460>
- Pelet, M. N. M., Megat, M., Damsik, J., Samud, N. N., Harijaman, N., & Salleh, N. S. (2023). Ketidakselarasan sistem ejaan dan sebutan perkataan dalam buku teks bahasa Semai: Satu penelitian awal. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(1), 35-51. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.4.2023>
- Ropiah, M. A. M. N., Sultan, F. M. M., & Sanari, N. F. H. M. (2023). Struktur sintaksis kala pada frasa kerja bahasa Bateq. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 61-79.
- Siewierska, A. (1999). From anaphoric pronoun to grammatical agreement marker: Why objects don't make it. *Folia Linguistica*, 33(1-2), 225-252. <https://doi.org/10.1515/flin.1999.33.1-2.225>
- Sultan, F. M. M., & Mohamad Yusof, S. N. B. (2023). Ganti nama Mah Meri: Satu analisis sintaksis. *Akademika*, 93(1), 175-189. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-13>
- Sultan, F. M. M., Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Radzi, H. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1), 69-80.
- Von Heusinger, K., & Kornfilt, J. (2017). Partitivity and case marking in Turkish and related languages. *Glossa: A Journal of General Linguistics*, 2(1), Article 20. <https://doi.org/10.5334/gjgl.112>
- Zailani, S. A., Abdul Aziz, A. Y. & Zailani, S. (2023). Pengguguran konsonan obstruen-homorganik dalam Bahasa Semai Hulu Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(1), 31-43.
- Zawawi, A. S. A. A., Sultan, F. M. M., & Jaludin, A. (2022). Kekangan terhadap DP ayat kewujudan: Suatu analisis sintaksis minimalis. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 52-63.